



## **KENYATAAN AKHBAR OLEH KETUA AUDIT NEGARA**

**BERKENAAN:**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI  
KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN  
BADAN-BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN BAGI  
TAHUN 2018 SIRI 2**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENGURUSAN  
SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2018 SIRI 2**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI  
PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN DAN PENG AUDITAN  
PEMATUHAN AGENSI PERSEKUTUAN TAHUN 2018**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI  
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT  
KERAJAAN NEGERI TAHUN 2018 SIRI 2**

1. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) bagi tahun 2018 dibentangkan secara di mana LKAN Siri 1 telah dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada 15 Julai 2019 (Isnin). Seterusnya, LKAN Tahun 2018 Siri 2 akan dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada 2 Disember 2019 setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Laporan ini terdiri daripada 16 jilid, iaitu:
  - (a) 3 jilid mengenai aktiviti Kerajaan Persekutuan meliputi:

- (i) LKAN Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan Tahun 2018 Siri 2;
  - (ii) LKAN Mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan Tahun 2018 Siri 2;
  - (iii) LKAN Mengenai Pengesahan Penyata Kewangan dan Pengauditan Pematuhan Agensi Persekutuan Tahun 2018; dan
- (b) 13 jilid aktiviti kerajaan negeri iaitu LKAN Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Tahun 2018 Siri 2 bagi setiap negeri.
2. Pada hari pembentangan LKAN, Jabatan Audit Negara juga akan memberi taklimat berhubung dengan isu-isu utama yang dibangkitkan dalam laporan tersebut kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara di Parlimen.
3. Laporan Ketua Audit Negara pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara-perkara penting seperti berikut:

### **3.1. Pengauditan Prestasi Terhadap Program/Aktiviti/Projek Kerajaan di Peringkat Persekutuan dan Negeri**

- (a) Pengauditan prestasi telah dijalankan mengikut standard pengauditan antarabangsa iaitu *The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI)* 3000, 3100 dan 3200. Pengauditan prestasi yang dijalankan bertujuan menilai sama ada aktiviti/projek Kerajaan telah

dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta sejauh mana objektif aktiviti/projek ini telah tercapai. Ia juga bertujuan untuk menilai sejauh mana wang awam telah dibelanjakan dengan berhemat tanpa berlaku pemborosan dan pembaziran serta mendapat *best value for money*.

- (b) Bagi Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 Siri 2 ini, sebanyak 12 pengauditan prestasi telah dilaksanakan di peringkat Kerajaan Persekutuan. Manakala di peringkat Negeri, sebanyak 21 pengauditan prestasi telah dijalankan. Pengauditan merangkumi pelbagai bidang, antaranya pengurusan program/aktiviti, pembinaan, naik taraf, penyenggaraan dan pengurusan hasil.

### **3.2. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan dan Negeri**

- (a) Pengauditan bagi pengurusan syarikat kerajaan dijalankan selaras dengan Seksyen 5(1)(d), Akta Audit 1957. Pengauditan merangkumi 3 aspek iaitu tadbir urus korporat, pengurusan aktiviti dan kedudukan kewangan syarikat.
- (b) Bagi Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 Siri 2 ini, sebanyak tujuh (7) pengauditan pengurusan syarikat kerajaan telah dilaksanakan di peringkat Kerajaan Persekutuan. Selain itu, analisis kewangan dan pemantauan terhadap Syarikat Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MKD] turut dilaporkan dalam LKAN siri

ini. Pengauditan di peringkat negeri pula melibatkan sembilan (9) syarikat.

### **3.3. LKAN Mengenai Pengesahan Penyata Kewangan dan Pengauditan Pematuhan Agensi Persekutuan Tahun 2018**

- (a) Pengauditan penyata kewangan bagi tahun 2018 adalah berpandukan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Asas Akruan berdasarkan ISSAI. Antara perkara yang ditetapkan dalam garis panduan tersebut adalah penyediaan Memorandum Perancangan Audit, penilaian risiko dan bukti audit, komunikasi dengan pihak pengurusan dan tadbir urus, pensampelan dan pelaporan.
- (b) Secara keseluruhannya, Jabatan Audit Negara perlu menjalankan pengauditan penyata kewangan terhadap 150 agensi Persekutuan bagi tahun kewangan 2018. Setakat 30 Ogos 2019, sebanyak 113 penyata kewangan telah diaudit, iaitu 99 penyata kewangan diberi Pendapat Tanpa Teguran, enam (6) diberi Pendapat Tanpa Teguran dengan perenggan *Emphasis of Matter* dan lapan (8) diberi Pendapat Berteguran. Sebanyak 35 penyata kewangan masih belum dimuktamadkan manakala dua (2) penyata kewangan Agensi Persekutuan belum diterima.
- (c) Pengauditan pematuhan agensi persekutuan telah dilaksanakan dalam tahun 2019 melibatkan tiga (3) tajuk seperti berikut:

- pengurusan geran daripada kementerian kepada agensi persekutuan;
  - pelaburan universiti awam dalam syarikat subsidiari/sub-subsidiari; dan
  - pengurusan perolehan peralatan pencegahan, perubatan dan pemulihan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).
4. Semua pegawai pengawal/ketua jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan. *Exit Conference* juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh ketua jabatan berkenaan, Jabatan Audit Negara juga telah mengemukakan 57 syor terhadap aktiviti Kementerian/Jabatan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan, 43 syor terhadap pengurusan syarikat Kerajaan Persekutuan serta 132 syor terhadap pengurusan aktiviti Kementerian/Jabatan/Agenzi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk memperbaiki kelemahan yang dilaporkan.
5. Tiga (3) jilid LKAN peringkat Kerajaan Persekutuan akan dimuat naik di Laman Web Jabatan Audit Negara selepas pembentangannya di Dewan Rakyat. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 2 Disember 2019 selepas jam 10.00 pagi. LKAN peringkat negeri pula yang melibatkan 13 negeri hanya akan dimuat naik di Laman Web Jabatan Audit Negara selepas pembentangannya di Dewan Undangan Negeri masing-

masing. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada Warkah Untuk Ketua Audit Negara. Cakera padat (CD) yang mengandungi laporan-laporan tersebut akan turut diedarkan kepada pihak media pada hari pembentangan di Bilik Jawatankuasa 3, Aras 2, Bangunan Utama, Parlimen.

Ketua Audit Negara

Malaysia

2 Disember 2019